



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

jurnal **INOVASI** **MALAYSIA** (JURIM)

INSTITUT KUALITI dan PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)

EDISI 02, ISU 01

ISSN 2600-7606

NOVEMBER 2018

JURNAL INOVASI MALAYSIA (JURIM)

Ketua Editor

Prof. Dr. Hjh Roziah Janor
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Ketua Editor Eksekutif

Dr. Aida Firdaus Muhammad Nurul Azmi
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Timbalan Ketua Editor Eksekutif

Dr. Nik Azlin Nik Ariffin
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Pengurusan Jurnal

Pn. Nor Nazifah Abd. Jamil, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Lembaga Editor

Prof. Madya Dato' Dr. Hilmi Ab. Rahman, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Dr. Thuraiya Mohd, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

En. Darus Kasim, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

En. Mohd Ehsan Amin, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

En. Shamsol Shafie, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Tn. Hj Anuar Hashim, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Ust. Husaini Ab Razak, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

En Abdul Manap Desa, TELEKOM, Malaysia

Dr. Zulhasni Abdul Rahim, Universiti Teknologi Malaysia

En. Razif Dasiman, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Pewasit

Tn. Hj Poazi Rosdi, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Dr. Nurul Nadwan Aziz, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Dr. Teh Hong Siok, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Dr. Ahmad Sufian Abdullah, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

En. Nik Hazlan Nik Hashim, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Pn. Sairah Saien, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Pn. Norafiza Mohd Hardi, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Pn. Zaidatulhusna Mohd Isnani, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Pn. Suzanna Yusof, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Pn. Fatin Nadzirah Zakaria, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

En. Rasdi Deraman, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

En. Al Bakri Mohammad, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

PM Dr. Zailani Abdullah, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

En. Budiman Ikhwandee Fadzilah, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia

Pn. Siti Lydiawati Sahmat, Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia

Dr. Noor Afiza Badaluddin, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

Dr. Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairulidin, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

Fotografik

En. Mohd Suhaimi Juhan, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Laman Sesawang

Pn. Siti Nor Juhiriza Mior Mohd Tahir, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

@Penerbit UiTM, UiTM 2018

ISSN 2600-7606

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi da isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

E-mel: penerbit@salam.uitm.edu.my

Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM) adalah jurnal dari Unit Inovasi dan Kreativiti, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Blok A, Tingkat 5, Bangunan Akademik 2, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. E-mail : KIK_UiTM@salam.uitm.edu.my

Pandangan pendapat dan cadangan teknikal yang dinyatakan oleh penyumbang dan pengarang adalah dari penulis sendiri dan tidak semestinya mencerminkan pandangan para editor, penerbit dan universiti.

1. **Aplikasi Didik Hibur Tajwid al-Quran (Teroka Tajwid): Kajian Awal Persepsi Pengguna** 1
(Edutainment Application of al-Quran Tajweed (Teroka Tajwid): A Purview Study on the Users' Perception)
Sulaiman Mahzan, Siti Fairuz Nurr Sadikan, Mohd Ab Malek Md Shah, Mohd Harun Shahudin, Shamsol Shafie, dan Mohamad Hafidz Rahmat

2. **CSETT Memudahkan Proses Penyediaan Jadual Waktu Kuliah** 17
(Class Timetable Preparation Gets Easier with CSETT)
Zaimi Mohamed, Suhaily Maizan Abdul Manaf, Sholehah Abdullah, Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Salwani Affandi, Nur Azwani Mohamad Azmin, Nik Noor Afizah Azlan, Hapiza Omar dan Fathiyah Ismail

3. **"IMMOLIMBTM" Penyelesaian Masalah kepada Imej Prosedur Angiografi Anggota Bawah yang Kurang Optimum** 31
("IMMOLIMBTM" Problem Solving Method for Low Quality Image of Lower Limb Angiography Procedure)
Halmi Shamsudin, Nik Azuan NI, Norman Nordin, Sa'don Samian Hafiz Salahudin, Azrul AB, Norhafizan Nordin, Meriam Ismail Rohaida Hassim, Wan Shoriya AWE dan Salwa Sap'e

4. **Inovasi ‘Solat Alert Software’ (SAS) sebagai Satu Kaedah Menggalakkan Pengguna Komputer Menunaikan Solat di Awal Waktu** 51
(Solat Alert Software as a Method of Encouraging Computer User to Perform Prayer at the Beginning of Prayer Time)
 Azizon Salleh, Huzaimah Ismail, Kamariah Yusoff, Azizah Zakaria dan Ahmad Faizar Jaafar
5. **Pembelajaran Efektif Menggunakan Penunjuk Newton’s Free Body Diagram (FBD)** 61
(Effective Learning using Newton’s Free Body Diagram (FBD) Ruler)
 Amin Aadenan, Siti Zaubidah Abdullah, Nor Fadhlil Jaafar dan Nurulizzati Makhtar
6. **Sistem Maklumat Penyakit Tuberkulosis Berasaskan Geospatial untuk Mengurus Penyakit Bawaan Udara** 75
(Geospatial Tuberculosis Information System for Airborne Disease Management)
 Abdul Rauf Abdul Rasam, Noresah Mohd Shariff, Jiloris F. Dony dan Saiful Aman Sulaiman
7. **Pangkalan Data Ez_Locate sebagai Penyelesaian Masalah Pencarian Maklumat untuk Pelajar** 89
(Ez_Locate as a Solution for Students to Find Information)
 Noraizah Abu Bakar, Ahmad Marzuki Amiruddin Othman, Zarina Abu Bakar, Mohammad Albar Bakar, Norhidayah Abdullah, Norfizah Othman, Nor Hafizah Abd Mansor, Nadzirah Yahaya, Syed Khusairi Tuan Azam, Mohd Halim Kadri, dan Nini Suhana Mastini Razi
8. **Inovasi Pengajaran untuk Menarik Minat Pelajar Bermain Bola Tampar** 105
(Teaching Innovation to Attract Students’ Interest in Playing Volleyball)
 Jamiaton Kusrin, Mohamad Nizam Mohamed Shapie, Sharifah Aliman, Faridah Mohamad Halil dan Zarrul Hayat Mohd Yusof

Pangkalan Data Ez_Locate sebagai Penyelesaian Masalah Pencarian Maklumat untuk Pelajar (Ez_Locate as a Solution for Students to Find Information)

**Noraizah Abu Bakar*, Ahmad Marzuki Amiruddin Othman,
Zarina Abu Bakar, Mohammad Albar Bakar, Norhidayah Abdullah,
Norfizah Othman, Nor Hafizah Abd Mansor, Nadzirah Yahaya,
Syed Khusairi Tuan Azam, Mohd Halim Kadri,
dan Nini Suhana Mastini Razi**

*Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Kampus
Segamat, KM12, Jalan Muar, 85000, Segamat, Johor*

*E-mel: norai738@johor.uitm.edu.my

Tarikh terima: 27 April 2018

Tarikh diluluskan: 23 Oktober 2018

ABSTRAK

Pencarian maklumat di hujung jari merupakan satu trend yang diguna pakai masa kini. Oleh itu, satu sistem yang cekap, pantas dan tepat perlu diwujudkan selaras dengan keperluan semasa. Sistem manual yang selama ini digunakan tidak lagi relevan. Pengurusan fakulti terutamanya yang melibatkan kegiatan pelajar sering mendapat sungutan dan rungutan tentang ketidakberkesamaan sumber secara manual yang masih diguna pakai. Isu seperti memperoleh maklumat tentang syarikat yang sudi membuka pintu untuk aktiviti lawatan akademik serta mengenal pasti penceramah yang sesuai untuk dihubungi merupakan persoalan yang perlu diselesaikan secara berkesan. Sehubungan itu, satu sistem diwujudkan bagi mengatasi isu yang timbul. Keadaan ini akan melicinkan lagi program yang dirancang oleh para pelajar di bawah Tabung Amanah Pelajar (TAPA). Kaji selidik telah dilaksanakan dalam kalangan beberapa responden bagi mencari jalan menyelesaikan masalah yang telah dikenal pasti. Oleh itu sistem ez_locate dapat memudahkan proses kerja dan meningkatkan kepuasan hati pihak yang terlibat melalui penjimatan kos operasi dan masa. Maklumat yang diakses tepat mengikut kehendak pelanggan.

Kata Kunci: *Lawatan Akademik, TAPA, Penceramah Program Akademik, Sistem ez_locate, Sumber Integrasi*

ABSTRACT

Seeking information using an effective system is essential nowadays. Manual system is no longer applicable in this new era. Therefore, using automated system in searching information is needed. The head of faculties as well as students associations' advisors had often received complaints from students regarding to the difficulties in obtaining information on available companies for academic visits and speaker for academic talks. Thus, the issue on unavailability of integrated resources in finding information on the availability of invited speaker and companies for academic visits for the students' activity application process under Tabung Amanah Pelajar (TAPA) was chosen. The interviews and surveys were conducted among groups of respondents in order to find the solution. Thus, ez_locate system is capable in enabling better working process which will guarantee satisfaction among parties involved. Information that is organized and valid should significantly enhance the users' capability in all related queries.

Keywords: *Academic Visits, TAPA, Speaker for Academic Talks, Ez_locate System, Integrated Resources*

PENGENALAN

Objektif inovasi ini bagi memastikan pelajar memperoleh pangkalan data untuk pencarian maklumat dan lokasi lawatan akademik pelajar secara atas talian. Sistem manual untuk pencarian maklumat yang selama ini digunakan tidak lagi relevan. Bagi membina pangkalan data pencarian maklumat, sebanyak tiga fasa telah dipilih sebagai usaha mengenal pasti masalah yang menjadi isu dalam proses pencarian maklumat.

Fasa pertama

Sesi sumbang saran dalam kalangan ahli kumpulan dilaksanakan bagi mengenal pasti beberapa potensi masalah yang perlu diselesaikan dengan kadar segera. Setelah masalah-masalah dikenal pasti, fasa kedua bermula.

Fasa Kedua

Fasa kedua bermula dengan membuat kajian lapangan melalui soal selidik permasalahan dalam kalangan responden (Ketua Program, Hal Ehwal Akademik, pelajar, pensyarah dan penasihat akademik) bagi memastikan potensi masalah yang dikenal pasti pada fasa pertama adalah relevan.


Fasa ketiga

Fasa ketiga adalah bertujuan bagi mengenal pasti masalah yang paling utama perlu diselesaikan setelah mengambil kira pendapat responden melalui varifikasi dan analisis masalah dalam kalangan ahli kumpulan.

Setelah melalui ketiga-tiga fasa di atas, ahli kumpulan sebulat suara telah memutuskan masalah utama yang dipilih untuk projek ini adalah ketiadaan sumber bersepadu dalam pencarian maklumat penceramah dan lokasi lawatan akademik pelajar yang lebih efisien. Dua bahagian akan dibincangkan secara terperinci berkenaan masalah utama yang dipilih iaitu analisis masalah dan juga cadangan penambahbaikan.

Bahagian Pertama: Analisa Masalah Utama

Penggunaan rajah “sebab dan akibat” seperti yang tertera di Rajah 1 menunjukkan pengupasan masalah yang dikenal pasti melalui empat faktor iaitu faktor kaedah, faktor manusia, faktor persekitaran dan faktor sumber bahan.



Rajah 1: Pengupasan Masalah Utama yang Dikenal Pasti

Faktor Kaedah

Kaedah pengurusan aktiviti akademik dalam pencarian maklumat (penceramah dan lokasi) yang diguna pakai sebelum ini menggunakan sistem manual adalah kurang efektif. Sistem ini meluangkan masa yang lama dalam mencari maklumat di samping tidak wujud satu sistem yang berkesan dalam mendapatkan maklumat secara tepat dan cekap.

Faktor Kemanusiaan

Pencarian maklumat menggunakan sistem yang diguna pakai masa kini memakan masa di samping melibatkan terlalu ramai pihak. Pelajar dan staf saling cuba mencari jalan penyelesaian pencarian maklumat aktiviti pelajar dengan sumber yang tidak jelas. Banyak kerja yang terpaksa dilakukan melibatkan masa, tenaga dan kemudahan maklumat yang terpaksa dikenal pasti. Usaha-usaha ke arah ini, mengganggu tugas dan kerja-kerja lain yang lebih penting untuk diselesaikan sama ada di pihak pelajar dan juga pengurusan. Keadaan menjadi lebih kritikal apabila tarikh penghantaran

maklumat mengenai penceramah dan lokasi lawatan akademik menghampiri hari terakhir untuk diselesaikan dan dihantar kepada pihak berkenaan. Hasil kerja yang dilaksanakan mungkin tidak berkualiti kerana disiapkan dalam jangka masa yang singkat.

Faktor Persekitaran

Ketiadaan satu pusat rujukan maklumat menyukarkan pelajar dan kakitangan untuk saling bekerjasama memperoleh maklumat yang dikehendaki. Pertukaran Ahli Jawatankuasa (AJK) pelajar dan staf yang dipertanggungjawabkan sebagai penyalur maklumat menyukarkan kedua pihak menyelesaikan urusan yang dikehendaki dalam masa yang singkat dan tepat. Maklumat yang ada pada tahun ini mungkin sukar diperoleh tahun hadapannya kerana pertukaran kakitangan dan AJK dalam kalangan pelajar membawa bersama beberapa maklumat yang sudah diperoleh (tiada maklumat direkodkan oleh pengguna sebelumnya).

Faktor Sumber/Bahan

Kaunter khas yang diwujudkan bagi urusan TAPA tidak ada. Kaunter ini perlu diadakan bagi pencari maklumat dapat merujuk terus kepada pihak yang bertanggungjawab agar sumber yang dikehendaki betul, tepat dan terkini. Para pelajar juga tidak perlu membazirkan masa dalam menyelesaikan tugas yang diberi. Hasilnya matlamat dapat dicapai dan objektif program menepati seperti mana yang dikehendaki. Manual sedia ada tidak jelas, sukar dan melewatkan masa pelajar memperoleh maklumat. Proses mencari bahan atau sumber oleh pelajar sendiri dari pihak Hal Ehwal Akademik (HEA) atau penasihat serta pelajar senior sering diakhiri dengan kekecewaan. Hal ini disebabkan maklumat yang diperoleh tidak kemas kini dan tiada sumber yang tepat diperoleh.

Cadangan Penambahbaikan

Aktiviti pelajar menggunakan TAPA adalah penting bagi membentuk pelajar mengendalikan aktiviti yang dirancang dengan efisien. Malangnya terdapat beberapa kelemahan yang timbul semasa melaksanakannya. Oleh itu, soal selidik permasalahan aktiviti pelajar menggunakan TAPA di UiTM Johor telah dijalankan bagi mengenal pasti penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk membantu aktiviti pelajar secara efisien. Soal

selidik bersama responden telah dilaksanakan. Program penanda aras telah dilaksanakan bagi memastikan permasalahan yang sama juga wujud di institusi pengajian tinggi yang lain. Program penanda aras ini telah dijalankan melibatkan UiTM Sabah, UiTM Perak, UiTM Melaka, UiTM Kedah, Universiti Utara Malaysia (UUM) and Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ketiadaan pangkalan data yang kemas kini dan tepat menyukarkan usaha pelajar mencari maklumat yang diperlukan.

Satu analisis terperinci telah dilaksanakan bagi menukar sistem manual pencarian maklumat yang dipakai masa kini dalam kalangan pelajar kepada sistem *ez_locate*. Perubahan ini melibatkan pembangunan pangkalan data bagi pencarian maklumat penceramah dan lokasi lawatan akademik pelajar yang lebih komprehensif dan efisien menggunakan kaedah SMART. Jadual 1 di bawah merujuk kepada kaedah SMART.

Jadual 1: Kaedah SMART

<i>Specific</i> (khusus)	Pangkalan <i>ez_locate</i>
<i>Measurable</i> (boleh diukur)	Penceramah dan lokasi lawatan
<i>Achievable</i> (boleh dicapai)	Mudah diakses oleh pelajar dan pensyarah serta HEA
<i>Reliable</i> (mudah diharap)	Ujilari sistem dan kandungan
<i>Timely</i> (tepat pada masa)	Akses dua puluh empat jam sehari

Pencarian maklumat yang efisien dalam kalangan pelajar adalah penting (Kuhlthau, 2008). Penyelidikan yang dilakukan oleh Holiday dan Li (2004) mendapati bahawa Internet telah merubah konsep budaya pelajar dalam pencarian maklumat. Maklumat yang dicari perlu diperolehi dengan kadar yang cepat tanpa memerlukan tenaga yang banyak dan informasi yang dikehendaki sentiasa dikemas kini (Holiday & Li 2004). Sekiranya pelajar tidak dapat memperoleh maklumat yang dikehendaki dalam waktu yang ditetapkan, ia akan mempengaruhi emosi pelajar. Kajian mendapati hal ini sering berlaku (Branch, 2003; Holliday & Li, 2004; Kracker & Wang, 2002; Whitmire, 2003). Kebiasaannya pelajar akan berasa puas hati sekiranya informasi yang dicari boleh diperolehi dalam masa yang ditetapkan. (Holiday & Li, 2004). Sehubungan itu, satu kaedah telah dicipta menggunakan kemajuan teknologi dalam usaha mempercepatkan pencapaian informasi yang diperlukan oleh pelajar (Kuhlthau, 2008). Melalui kajian Maamiry (2017) mendapati bahawa perlunya kakitangan

akademik memainkan peranan utama membantu pelajar dalam pencarian maklumat. Selain itu, tingkah laku pelajar dalam pencarian maklumat juga perlu diambil kira memandangkan tidak semua pelajar menguasai ilmu di bidang teknologi (Maamiry, 2017).

METODOLOGI

Metodologi bagi menyelesaikan masalah pencarian maklumat penceramah dan lokasi lawatan akademik pelajar dibuat melalui dua fasa. Fasa 1 dikendalikan melalui kaedah soal selidik yang dijalankan dalam kalangan pihak yang terlibat bagi mengenal pasti masalah yang paling utama berkaitan permasalahan aktiviti pelajar melalui pembiayaan TAPA dan fasa 2 menerangkan secara terperinci sistem *ez_locate* yang diguna pakai sebagai penyelesaian kepada masalah yang kreatif dan inovatif.

Fasa 1: Soal Selidik Permasalahan Aktiviti Pelajar Menggunakan TAPA UiTM Johor


Dua soal selidik di fasa 1 telah dijalankan bagi memastikan permasalahan utama dalam kalangan pelajar dapat dikenal pasti. Soal selidik pertama adalah untuk menentukan permasalahan berkaitan aktiviti pelajar melalui TAPA di UiTM Johor. Sebanyak 10 permasalahan berkisar aktiviti pelajar telah dikenal pasti dan masalah tiada pangkalan bagi pencarian maklumat penceramah dan lokasi lawatan akademik terpilih sebagai masalah utama. Soal selidik kedua telah dijalankan bagi mengenal pasti masalah yang timbul dalam pencarian maklumat penceramah dan lokasi lawatan akademik. Beberapa masalah telah dikenal pasti. Oleh itu, bagi memudahkan pencarian maklumat penceramah dan lokasi lawatan akademik, satu pangkalan data dibangunkan bagi menangani masalah ini.

Fasa 2: *ez_locate* Penyelesaian Kreatif dan Inovatif

Penyelesaian masalah sistem manual bagi melaksanakan projek melalui pembiayaan TAPA dalam kalangan pelajar dapat dilaksanakan dengan efisien melalui pembangunan pangkalan data bagi pada pencarian maklumat penceramah dan lokasi lawatan akademik pelajar. Pangkalan data yang mempunyai direktori informasi penceramah dan lokasi lawatan akademik yang bernama *ez_locate* (<http://ezlocate.johor.uitm.edu.my>) telah dibangunkan. Kelebihan *ez_locate* adalah:

1. Boleh diakses menggunakan banyak *web browsers* seperti *Google Chrome, Internet Explorer* dan *Mozilla Firefox*.
2. Mudah digunakan dan mesra pengguna (*user-friendly interface*).
3. Sistem pengurusan kandungan secara atas talian (*Onlinecontent management system*).

Penerangan di bawah ini adalah berkenaan pangkalan data *ez_locate* sebagai penyelesaian kreatif dan inovatif bagi masalah yang dibincangkan pada bahagian analisis masalah. Rajah 2 di bawah menunjukkan laman utama *ez_locate*.



Rajah 2: Laman Utama *ez_locate*

Pada permulaan projek *ez_locate*, data berkaitan dengan penceramah dan syarikat yang berpotensi bagi pelajar membuat lawatan, diperoleh dari pejabat Hal Ehwal Akademik (HEA). Setelah itu *predetermine fields* disusun mengikut menu utama *ez_locate* yang dinamakan “Lawatan” dan “Penceramah”. Jadual 2 menunjukkan *predetermined fields* untuk menu *ez_locate*.

Jadual 2: Menu ez_locate

Menu		
Fields	Lawatan	Penceramah
	Nama Organisasi	Nama Organisasi
	Alamat	Alamat
	Sektor	Sektor
	Industri	Industri
	Pegawai	Penceramah
	Negeri	Kelayakan
		Bidang
	Negeri	


Pihak pengurusan dan pelajar boleh mengakses informasi berkaitan syarikat yang berpotensi untuk tujuan lawatan. “Menu Lawatan” seperti Rajah 3 di bawah digunakan. Pencarian informasi berkaitan dengan syarikat boleh menggunakan perkataan seperti “Negeri”, “Sektor” atau “Industri” dan juga gabungan perkataan dalam ruang pencarian.

The screenshot shows the 'EZ_LOCATE' web application interface. On the left is a blue sidebar menu with options: LAMAN UTAMA, LAWATAN (selected), PENCERAMAH, CABANGAN, and ADMIN. The main content area is titled 'Lawatan' and 'Senarai Direktori Lawatan'. It features search filters for 'PILIH NEGERI' (Johor Darul Ta'zim), 'PILIH SEKTOR' (Semua), and 'PILIH INDUSTRI' (Semua). There is a search input field and a 'CARI' button. Below the filters is a table with the following data:

BIL.	NAMA ORGANISASI	ALAMAT	SEKTOR	INDUSTRI	PEGAWAI
1	Ayamas Food Corporation Bhd	PTD 1384, Kawasan Industri Eandar Tenggara, 81443 Kulai, Johor Darul Ta'zim	Swasta	Pembuatan	07-8964423 (P)
2	Delma Oil Products	PLO 238, Jalan Timrah 1, Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, 81703 Pasir Gudang, Johor Darul Ta'zim	Swasta	Pembuatan	07-2511289 (P)

Rajah 3: Menu Lawatan ez_locate

Rajah 4 menunjukkan menu pencarian maklumat penceramah boleh diakses oleh pihak pengurusan dan para pelajar. Pencarian ini menjadi lebih mudah dengan pilihan carian menggunakan item perkataan seperti negeri, sektor, nama penceramah atau kombinasi mana-mana item yang dipaparkan.




Rajah 4: Menu Penceramah ez_locate

Selain daripada ‘Lawatan’ and ‘Penceramah’, ez_locate juga mempunyai dua menu lain iaitu menu ‘Cadangan’ (*suggestion*) dan menu ‘Admin’ (*administrator*) yang dipaparkan di Rajah 5. Pengguna sistem ez_locate boleh mencadangkan informasi baharu berkaitan tempat lawatan dan juga penceramah dengan menggunakan menu cadangan.

Rajah 5: Menu Cadangan ez_locate

Walau bagaimanapun, penambahan informasi yang dilakukan dalam pangkalan data hanya boleh dilakukan oleh orang yang telah diberi kebenaran (*authorized person*). Menu “Admin” digunakan untuk membuat pertukaran informasi melalui kata laluan yang diberikan kepada orang yang diberikan kebenaran untuk mengakses informasi dalam sistem. Rajah 6 menunjukkan menu “admin” untuk pertukaran, penambahan dan pengeditan maklumat.



Rajah 6: Menu Admin ez_locate


Dua jenis uji lari telah dijalankan sebelum *ez_locate* dilaksanakan iaitu uji lari kandungan uji lari kepastian. Uji lari kandungan *ez_locate* dilakukan bagi memastikan menu dan butang yang dibangunkan berfungsi dengan baik. Manakala uji lari kepastian sistem *ez_locate* dilakukan bagi memastikan informasi yang dikendalikan oleh sistem ini adalah tepat. Sebanyak 40 peratus informasi di dalam sistem *ez_locate* telah diuji lari menggunakan panggilan telefon dan juga laman sesawang.

KEBERHASILAN DAN IMPAK PROJEK

Terdapat beberapa kelebihan sistem *ez_locate* dalam meningkatkan mutu hasil kerja pengguna. Di antaranya adalah *ez_locate* dapat mengurangkan masa dalam mencari maklumat, penjimatan kos operasi dapat dilaksanakan dan pengendalian maklumat dalam skala yang lebih besar dapat dilaksanakan. Penjimatan sumber manusia dapat dipertingkatkan melalui penggunaan *ez_locate* dan keberhasilan yang utama melalui projek ini adalah penghasilan produk *ez_locate* sebagai pangkalan data yang dapat membantu pelajar dalam pencarian maklumat. Perincian pencerahan tentang keberhasilan dan impak projek ini turut dibincangkan.

Pengurangan Masa

Para pelajar dapat menjimatkan masa dalam mencari maklumat berkaitan lokasi lawatan dan penceramah bagi aktiviti pelajar. Pensyarah dan pihak pentadbir juga mendapat manfaat dari sistem *ez_locate* ini. Berdasarkan carta alir Rajah 7, dapat dibuktikan dengan menggunakan sistem *ez_locate* bilangan hari untuk proses permohonan aktiviti pelajar menggunakan pembiayaan TAPA dapat dikurangkan sebanyak enam hari. Pencarian maklumat dari pelbagai sumber dapat dikurangkan dari lima hari kepada hanya satu hari melalui penggunaan maklumat di *ez_locate*. Proses semakan oleh Ketua Pusat Pengajian dan juga semakan oleh HEA dapat dipermudahkan kepada hanya dua hari sahaja berbanding empat hari sebelum ini.



Rajah 7: Carta Alir Permohonan Pelajar

Kelebihan *ez_locate* dari segi kecekapan masa:

1. Pelajar – tempoh masa dapat dikurangkan sebanyak empat hari.
2. Pensyarah/Pentadbir – tempoh masa dapat dikurangkan sebanyak dua hari.

Tempoh masa yang dapat dikurangkan itu boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan kecekapan dalam kalangan pelajar dan pensyarah.

Penjimatan Kos Operasi

Keperluan seperti alat tulis, cetakan borang, bil telefon, data *online* dapat dijimatkan oleh pelajar. Dengan hanya klik *ez_locate*, pelajar telah pun mendapat segala maklumat yang diperlukan. Penjimatan dari segi kos pembangunan sistem adalah sebanyak RM1,080. Hanya RM420 diperlukan untuk membangun sistem *ez_locate* berbanding RM1,500 diperlukan sekiranya menggunakan kepakaran luaran.

Pengendalian data dan maklumat dalam skala yang lebih besar

Sistem *ez_locate* dapat memudahkan pengendalian data dalam skala yang lebih besar iaitu melalui *Big Data System*. Ia dapat menggalakkan jaringan perhubungan industri dengan pihak luar seterusnya mendapat pengiktirafan pelajar, pensyarah dan pentadbir terhadap sistem yang dibangunkan.

Penjimatan sumber manusia

Penjimatan sumber manusia juga dapat dipertingkatkan melalui pengurangan beban kerja staf apabila kerja dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.

Penghasilan produk

Produk utama yang dihasilkan adalah *ez_locate*. Terdapat dua lagi produk yang terjana melalui produk utama ini, iaitu sistem dan manual *ez_locate* dan manual penyediaan dokumentasi KIK. Produk-produk yang dihasilkan ini akan dapat memberi kepuasan kepada para pelanggan.

Faedah-faedah lain

Antara faedah-faedah lain yang dapat dinikmati daripada sistem *ez_locate* ini adalah dalam bentuk spiritual kerana dalam usaha menyiapkan sistem ini secara tidak langsung ia dapat menaikkan semangat dan dapat mewujudkan kerjasama yang erat antara ahli kumpulan. Selain daripada itu kerjasama yang erat ini seterusnya memacu kepada kecemerlangan imej fakulti khususnya dan memberi nama baik kepada organisasi UiTM Johor secara amnya. Penyimpanan data yang lebih sistematik dan selamat akan dapat meningkatkan daya saing staf dan pelajar Fakulti Perakaunan dari segi peningkatan produktiviti dan kualiti kerja dan pemeraksanaan kepada pembentukan modal insan yang holistik serta kemahiran diri ahli kumpulan dapat dipelbagaikan kepada aspek-aspek luar dari bidang pengajaran.

RUMUSAN

Penghasilan pangkalan data *ez_locate* dapat memudahkan proses kerja dan meningkatkan kepuasan hati pihak yang terlibat melalui penjimatan kos operasi dan masa. Maklumat yang diakses tepat mengikut kehendak pelanggan. Maklumat yang betul dan kemas kini ini meningkatkan kecekapan pengguna dalam semua urusan yang berkaitan.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas ditujukan kepada UiTM Johor yang telah berjaya menganjurkan pertandingan KIK. Penghargaan ini juga ditujukan kepada staf HEA, KPP, pelajar, pensyarah, penasihat akademik dan Unit Kualiti, pentadbiran UiTM Johor, UiTM Sabah dan institusi yang terlibat. Sokongan anda semua menjadi kekuatan dalam menjayakan program ini.

PRA-SYARAT

1. Mini Konvensyen KIK UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat (14 Ogos 2017).

RUJUKAN

- Branch, J.L.(2003). Instructional intervention is the key: Supporting adolescent information seeking. *School Libraries Worldwide*, 9(2), 47-61.
- Holliday, W. and Li, Q. (2004). Understanding the millennials: updating our knowledge about students to improve library instruction. *Reference Services Review*, 32(4), 356-366.
- Kracker, J. and Wang, P.L. (2002). Research anxiety and students' perceptions of research: an experiment. Part II. Content analysis of their writings on two experiences. *Journal of the American Society for Information Science and Technology*, 53(4), 295-307.
- Kuhlthau, C.C., Heinström, J. & Todd, R.J. (2008). "The 'information search process' revisited: is the model still useful?" *Information Research*, 13(4) paper 355. [Available at <http://InformationR.net/ir/13-4/paper355.html>].
- Maamiry El, A (2017). "The Information Seeking Behaviour of Students: A Case of University of Dubai" *Global Journal of Computer Science and Technology: Information and Technology*, 17(1), 1-7.
- Whitmire, E. (2003). Epistemological beliefs and the information-seeking behavior of undergraduates. *Library and Information Science Research*, 25(2), 127-142.

Aplikasi Didik Hibur Tajwid al-Quran (Teroka Tajwid): Kajian Awal Persepsi Pengguna (Edutainment Application of al-Quran Tajweed (Teroka Tajwid): A Purrview Study on the Users' Perception)

1

Sulaiman Mahzan, Siti Fairuz Nurri Sadikan, Mohd. Ab. Malek Md. Shah, Mohd. Harun Shahrudin, Shamsol Shafie dan Mohamad Hafiz Rahmat

CSETT Memudahkan Proses Penyediaan Jadual Waktu Kuliah (Class Timetable Preparation Gets Easier With CSETT)

17

Zami Bin Mohamed, Subaily Maizan binti Abdul Manaf, Sholehah binti Abdullah, Siti Fatimah Mardiah binti Hamzah, Sahwani binti Afandi, Nur Azwani binti Mohamad Azmin, Nik Nur Afzhan binti Azlan, Hafid binti Omar dan Fathiyah binti Ismail

"IMMOLIMB" Penyelesaian Masalah Kepada Imej Prosedur Angiografi Anggota Bawah Yang Kurang Optimum ("IMMOLIMB" Problem Solving Method For Low Quality Image of Lower Limb Angiography Procedure)

31

Halmi Shamsudin, Nik Azwan N, Norman Nordin, Saldan Saman, Hafiz Salahudin, Azrul AB, Norhafizan Nordin, Meriam Ismail, Rohaida Hassan, Wan Shorizah AWE dan Salwa Sapé

Inovasi 'Solat Alert Software' (SAS) Sebagai Satu Kaedah Menggalakkan Pengguna Komputer Menunaikan Solat Di Awal Waktu (Solat Alert Software As A Method of Encouraging Computer User to Perform Prayer at the beginning of Prayer Time)

51

Azizon Salleh, Prof Madya Dr. Huzaimah Ismail, Dr Komariah Yusoff, Azizah Zakaria dan Ahmad Faizar Jaafar

Pembelajaran Efektif Menggunakan Penunjuk Newton's Free Body Diagram (FBD) (Effective Learning using Newton's Free Body Diagram (FBD) Ruler)

61

Amin Aadenan, Siti Zaubidah Abdullah, Nor Fadhlina Jaafar dan Nurulizati Makhtar

Sistem Maklumat Penyakit Tuberkulosis Berasaskan Geospatial Untuk Mengurus Penyakit Bawaan Udara (Geospatial Tuberculosis Information System for Airborne Disease Management)

75

Abdul Rauf Abdul Rasam, Noresah Mohd Shariff, Jiloris F. Dony dan Saiful Aman Sulaiman

Pangkalan Data Ez_Locate Sebagai Penyelesaian Masalah Pencarian Maklumat Untuk Pelajar (Ez_Locate As A Solution For Students To Find Information)

89

Noraizah Binti Abu Bakar, Ahmad Marzuki Amiruddin Bin Othman, Zarina Binti Abu Bakar, Mohammad Albar Bin Bakar, Norhidayah Binti Abdullah, Norfizah Binti Othman, Nor Hafizah Binti Abd Mansor, Nadzirah Binti Yahaya, Syed Khusairi Bin Tuan Azam, Mohd Halim Bin Kadri dan Nini Suhana Mastini Binti Razi

Inovasi Pengajaran Untuk Menarik Minat Pelajar Bermain Bola Tampar (Teaching Innovation To Attract Students' Interest In Playing Volleyball)

105

Jamiaton Kusrin, Mohamad Nizam Mohamed Shapie, Sharifah Aliman, Faridah Mohamad Halil dan Zarrul Hayat Mohd Yusof